

19/02/1998

Usah dedah masalah parti: TPM

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Ahli dan pemimpin Umno di peringkat cawangan dan bahagian dilarang membuat kenyataan umum mengenai masalah dalaman parti dan tindakan akan diambil ke atas mereka yang ingkar, kata Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, mana-mana ahli yang mempunyai masalah atau tidak puas hati dengan sesuatu perkara perlu menggunakan saluran parti untuk penyelesaian.

"Saya sudah berbincang dengan presiden (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pagi tadi bahawa semua bantahan dan masalah yang dibangkit oleh cawangan dan bahagian mesti dibawa melalui saluran parti sama ada di peringkat bahagian, Badan Perhubungan Negeri dan Majlis Tertinggi (MT).

"Ahli cawangan, bahagian dan pemimpin parti dilarang daripada membuat kenyataan mengenai masalah dalaman parti. Jika ada yang ingkar kita akan mengambil tindakan... umpamanya kes-kes yang membabitkan masalah keahlian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dengan 16 ahli MT yang dipilih untuk mengendalikan bahagian-bahagian yang dikenal pasti bermasalah.

Mengenai kedudukan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Thamby Chik, Anwar berkata parti membuat keputusan beliau dibenarkan bertanding jawatan Ketua Bahagian Kota Melaka.

"Dalam pelantikan ketua bahagian, kuasa menandatangani borang keahlian boleh dibuat ketua bahagian, timbalan ketua, naib ketua, ketua Pemuda dan ketua Wanita.

"Tidak berbangkit senarai yang diperlukan oleh ibu pejabat yang hanya ditandatangani timbalan ketua bahagian dan naib pengerusi sahaja. Tetapi kerana beberapa pimpinan peringkat bahagian tidak mengikut peraturan parti, kelulusan yang dibuat menimbulkan kekeliruan," katanya.

Bahagian Kota Melaka mengalami pelbagai masalah dalaman, termasuk dua cawangannya terpaksa menangguh persidangan tahunan masing-masing tiga hari lalu.

Bahagian berkenaan dikenal pasti sebagai antara bahagian bermasalah dan akan diletakkan di bawah pengawasan MT.

Berikutan itu, Jawatankuasa Disiplin menghantar ahli MT, Datuk Tajol Rosli Ghazali bagi mengendalikan mesyuarat yang akan diadakan pada 1 Mac depan.

Sementara itu, Anwar mengumumkan lima lagi bahagian dikenal pasti bermasalah dan diletakkan di bawah pengawasan, menjadikan jumlah keseluruhan 21 bahagian.

Bahagian terbabit ialah Kota Bharu yang akan dikendalikan oleh Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman, Bachok (Tan Sri Dr Hamid Pawanteh), Larut, Perak (Datuk Ibrahim Ali), Penampang (Datuk Seri Syed Hamid Albar), Sandakan dan Kinabatangan (Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir). Bahagian Beaufort yang sepatutnya dikendalikan oleh Abdul Kadir, diganti dengan Datuk Dr Affifuddin Omar.

Isnin lalu, Jawatankuasa Disiplin melantik 16 ahli MT untuk mengendalikan 16 bahagian yang dikenal pasti bermasalah iaitu Datuk Shahrizat Abdul Kadir (Tanjong), Syed Hamid (Tengah), Datuk Dr Ibrahim Saad (Ipoh Timur), Datuk Seri Mohamed Rahmat (Batu), Datuk Ibrahim Ali (Kapar), Datuk Salleh Tun Said Keruak (Jempol), Datuk Mohd Tajol Rosli (Kota Melaka).

Pemimpin lain ialah Datuk Nazri Aziz (Rantau Panjang), Datuk Shafie

Apdal (Kubang Kerian), Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh (Peringat), Datuk Suleiman Mohamed (Pengkalan Chepa), Datuk Dr Affifuddin Omar (Sipitang), Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub (Silam), Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Beaufort kini diganti dengan Sandakan), Datuk Hasan Ariffin (Gaya) dan Raja Ariffin Raja Sulaiman (Kinabatangan kini ditukar ke Kota Bharu).

"Semua ahli MT ini disediakan beberapa garis panduan, termasuk melaksanakan senarai yang diletakkan di ibu pejabat dan diterima pakai bagi menyemak ahli yang muflis, pegawai kumpulan A dan ahli yang pernah dikenakan tindakan mahkamah," kata Anwar.

Beliau berkata, ahli MT ini juga diberi mandat untuk menyelesaikan semua masalah berbangkit di kawasan yang dikendalikan.

"Bagi semua bahagian lain, sebarang masalah perlu disalurkan kepada peringkat bahagian, perhubungan (negeri) dan MT," katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata keputusan MT mengenai tidak ada pertandingan adalah tegas dan patut dipatuhi.

"Di Kelantan, kita tegas mengenai pentingnya ahli patuh kepada nasihat presiden untuk tidak menjejaskan perpaduan.

"Bagi negeri lain, nasihat itu secara umum diterima pakai. Jadi kita tidak menyekat orang bertanding cuma kita menekankan bahawa peraturan parti mesti dipatuhi, cuma kita menekankan peraturan parti mesti dipatuhi.

(END)